

Kosmo Online / K2 / Rencana Utama /

Penawar bisa ular laut

08 April 2019 3:00 AM



BISA ular dalam kuantiti selamat dan diarahkan disuntik kepada seekor kuda untuk tujuan penghasilan antivenom.



Seorang nelayan yang baru pulang daripada menangkap ikan di tengah laut dilihat mengalami kesukaran untuk bernafas dan badannya berada dalam keadaan amat lemah dan 'leleh'. Ekoran keadaannya itu, dia telah dihantar oleh seorang rakannya ke Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Melaka.

Menurut nelayan itu, dia mungkin dipukul oleh seekor ular laut ketika sedang mengasingkan timbunan ikan yang ditangkap mengikut jenis dan saiz di atas bot nelayan.

Berdasarkan gejala-gejala toksin pada sistem saraf dan keputusan ujian darah berkala yang dilakukan, pakar kecemasan telah bertindak merawat nelayan itu dengan penawar bisa (antivenom) ular laut yang diimport dari Australia.

Setelah mendapatkan rawatan yang optimal di hospital, mangsa telah pulih sepenuhnya tanpa sebarang kecacatan.

Ular laut tergolong dalam keluarga Elapidae (Hydrophidae) dan mempunyai bisa yang menyerang saraf (neurotoksin) dan otot (myotoksin).

Ular laut dianggap lebih berbahaya daripada ular berbisca di darat. Bisa daripada beberapa spesies ular laut misalnya ular laut Belcher (Hydrophis Blecher) dikatakan lebih kuat daripada bisa ular tedung selar.

Bisa ular laut ini mampu membunuh sehingga 1,000 orang dengan hanya beberapa miligram bisanya. Di Malaysia, terdapat 21 spesies ular laut yang kesemuanya dianggap berbisca dan berpotensi mendatangkan bahaya jika terkena patakannya.

Biarpun begitu, ular laut tidak agresif dan jarang mematuk manusia. Kebanyakan mangsa adalah nelayan yang terpegang atau terjepik haluan itu yang terperangkap di jaring.

Namun begitu, mangsa jarang menyedari diri mereka telah dipukul kerana patakan ular laut biasanya tidak menyakitkan kerana tarungnya yang kecil serta bisanya tidak mengandungi toksin sitotoksik.

Mangsa hanya sedar telah dipukul ular itu setelah mengalami gejala bisa toksik saraf dan kesakitan atau kekejangan otot akibat bisa myotoksin.

Pakar Toksikologi Klinikal serta Pakar Kecemasan dan Trauma Hospital Melaka, Dr. Anisah Adnan berkata, penawar bisa atau antivenom berfungsi meneutralkan atau menahabisa daripada peredaran darah (sistemik) dan setempat (lokal).

Sea Snake Antivenom dari Australia satu-satunya antibisa yang dihasilkan khas untuk merawat bisa daripada ular laut.

Jelas beliau, semasa proses penghasilan antivenom, bisa ular dalam kuantiti selamat dan diarahkan akan disuntik ke dalam badan halwan perumah (hos) seperti seekor kuda atau kambing.

Meneutralkan bisa

"Kuda dan kambing tersebut seterusnya akan menghasilkan antibodi terhadap bisa yang telah disuntik berkali-kali secara berkala (hyperimmunisasi).

"Plasma darah halwan berkenaan yang telah mencapai kandungan (titre) antibodi yang tinggi kemudiannya akan diambil dan diproses untuk menghasilkan antivenom," katanya kepada kru Panarama ketika ditemui di Hospital Melaka baru-baru ini.

Jelas Anisah lagi, antibodi yang dihasilkan kuda atau kambing itu juga spesifik kepada spesies ular.

"Jika bisa ular tedung selar disuntik ke dalam badan halwan hos, antibodi yang dihasilkan adalah khusus untuk merawat bisa ular tedung selar dan bukan ular lain.

"Jika hendak menghasilkan antivenom untuk spesies ular lain, bisa daripada spesies ular itu pula perlu digunakan," katanya.

Menurut beliau, keadaan itu menyebabkan antivenom spesies ular tertentu misalnya ular tedung selar hanya boleh digunakan pada pesakit yang dipukul ular tedung selar sahaja dan bukan ular-ular daripada spesies lain.

Menyentuh mengenai jenis-jenis antivenom yang terdapat di negara ini, jelas Anisah, terdapat dua kategori antivenom iaitu monovalent (monospesifik) dan polyvalent (polispesifik).

Antivenom monovalent adalah penawar bisa yang dihasilkan daripada bisa satu spesies ular sahaja, manakala antivenom polyvalent pula adalah penawar bisa yang dihasilkan daripada bisa beberapa spesies ular.

Anisah menjelaskan, harga antivenom ular tedung selar, Ophiophagus Hanna Antivenom yang diimport dari Thailand ialah RM410 sebotol, manakala harga antivenom ular laut mencecah sehingga RM20,752 sebotol.

Walaupun antivenom polyvalent boleh digunakan untuk merawat bisa beberapa spesies ular, namun ia mempunyai risiko lebih tinggi kerana mendatangkan kesan alahan berbanding antivenom monovalent.

"Disebabkan itu, lebih sesuai bagi pesakit yang dipukul ular berbisca disuntik dengan antivenom jenis monovalent sekiranya spesies ular itu dapat dikenal pasti.

"Jika spesies ular itu tidak dapat dikenal pasti, barulah antivenom jenis polyvalent diberi berdasarkan gejala-gejala yang dialami misalnya mengalami kesukaran bernafas (neurotoksin) atau pendarahan pada mulut dan gusi (hemotoksin)," katanya.

Menurut Anisah, pesakit yang dipukul ular berbisca kebiasaannya memerlukan 20 hingga 30 botol antivenom bergantung pada kuantiti bisa patakan ular tersebut.

"Antivenom hanya mampu meneutralkan bisa ular yang memasuki badan pesakit. Antivenom tidak memulihkan kesan bisa seperti kerosakan tisu daripada bisa sitotoksik," katanya.

Jelasnya, hanya hospital-hospital kerajaan mempunyai antivenom dan ia juga terhad kepada spesies-spesies ular yang terdapat di dalam negara ini.

Jangan sedut

Antara antivenom yang terdapat di Hospital Melaka ialah Ophiophagus Hanna Antivenom iaitu antivenom untuk bisa ular tedung selar, Naja Kaathia Antivenom (ular sunduk), Green Pit Viper Antivenom (ular kapak hijau), Neuro Polyvalent Snake Antivenom (untuk bisa gejala neurotoksik), Hemato Polyvalent Snake Antivenom (untuk bisa gejala hemotoksik) dan Sea Snake Polyvalent Antivenom (ular laut).

Sementara itu, Pakar Perubatan Kecemasan dan Trauma Hospital Melaka, Dr. Abdul Rahman Abdul Kadir berkata, tidak semua kes patakan ular di negara ini memerlukan pesakit diberi suntikan antivenom.

"Ini kerana, hanya 18 daripada 140 spesies ular darat di negara ini mempunyai bisa.

"Jika sekalipun seseorang itu digigit oleh ular yang berbisca, tidak semestinya ia menyebabkan kemudaratan kerana majoriti gigitan ular tidak menyuntik bisa ke dalam badan mangsa dalam kuantiti yang boleh menyebabkan gejala yang serius akibat bisa berkenaan," katanya.

Jelasnya lagi, suntikan antivenom perlu mematuhi kriteria envenomasi ketat yang ditetapkan kerana antivenom mempunyai kadar alahan atau anaphylaxis dan boleh menyebabkan kematian.


Tambahnya, rawatan antivenom hanya diberi jika terdapat indikator jelas pesakit mempunyai kesan sistemik seperti neurotoksin atau haemotoksik mahupun kesan lokal seperti bengkak yang progresif pada tempat yang digigit.

Antivenom yang dihasilkan daripada racun ular laut jadi penyelamat mangsa patakan ular yang disifatkan paling berbisca di dunia.

Tag Berkaitan

Kesihatan Rencana

Artikel Berkaitan



Popular

Kenyataan mengemukakan, Siti Nurhaliza bakal ambil tindakan undang-undang

'A' dalam selulap 700kg dadah ke Malaysia

Lelaki amuk cederakan isteri di Labuan, meninggal dunia

Lelaki abes! 120 kilogram maut ketika redah hutan untuk memancing

Peniaga rugi RM62,500 beli jentolak tanah di laman sosial

Khairul Hafiz terkandas di peringkat saringan

Trump panggil Bashar Al-Assad 'binatang'

